



11 Oktober 2023

KENYATAAN MEDIA PAC

LAPORAN PAC BERHUBUNG TERIMAAN DAN BAYARAN OBLIGASI SOSIAL PERJANJIAN PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Salam sejahtera dan selamat tengah hari,

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
2. PAC mengadakan satu prosiding berhubung isu ini pada 14 Jun 2023 dengan memanggil saksi-saksi seperti berikut:
 - i. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM;
 - ii. Datuk Azman bin Mahmood, Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM merangkap Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras; serta
 - iii. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Nasri, Ketua Bahagian BERNAS.
3. Mesyuarat penyediaan laporan ini dibuat pada 24 Ogos 2023 dan turut hadir sama, tujuh ahli Ex-Officio PAC terdiri daripada Jabatan Peguam Negara,

Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara yang bersetuju dengan laporan, rumusan dan syor.

4. Sehubungan itu, PAC membuat **laparan rumusan** hasil daripada prosiding seperti berikut:
 - i. Perjanjian konsesi BERNAS yang bermula sejak tahun 1996 dan berakhir pada tahun 2011 telah dilanjutkan sebanyak dua kali dan akan berakhir pada tahun 2031. Perjanjian konsesi ini akan menjangkau tempoh 35 tahun. Kos konsesi Perjanjian Ketiga berjumlah RM3.216 bilion yang bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.
 - ii. Pewujudan akaun amanah bagi penyaluran dana obligasi sosial adalah lebih telus dan efisien berbanding kaedah penyaluran dana melalui Tabung Bencana Padi, LPP. Jawatankuasa Akaun Amanah Dana Obligasi BERNAS diwujudkan bagi memperakui penerimaan dan pengurusan akaun amanah tersebut.
 - iii. Sehingga 14 Jun 2023, BERNAS masih belum menyalurkan baki berjumlah RM25 juta daripada RM37 juta untuk dana obligasi sosial tahun 2021.
 - iv. Pengemaskinian data SSHP tidak dipantau oleh KPKM mengakibatkan pengurusan pembayaran SSHP oleh BERNAS tidak teratur dan menyebabkan pembayaran sejumlah RM0.73 juta dibuat kepada 300 pesawah yang telah meninggal dunia.

- v. Penggunaan teknologi terkini seperti aplikasi Telegram untuk hebahan maklumat BERNAS serta pengenalan sistem Kad Pintar memudahkan pesawah untuk mengemas kini maklumat peribadi pesawah.
 - vi. Laporan KPI KPKM pada Julai 2021 bercanggah dengan prestasi sebenar pembekalan jentera BERNAS.
 - vii. Penggunaan jentera dan mekanisasi pertanian padi yang tidak disenggara dengan teratur menyebabkan berlaku kerosakan. Namun, berdasarkan paparan JAN (*AG Dashboard*) telah dibaiki dan digunakan.
 - viii. KPKM dalam proses penyediaan *need of statement* dan spesifikasi berhubung sistem maklumat padi dan beras serta sistem pengurusan profil dan nutrisi tanah bagi membolehkan dana obligasi berhubung pembangunan kedua-dua sistem maklumat tersebut digunakan.
5. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan **lapan perkara** kepada Kerajaan untuk dilaksanakan seperti berikut:
- i. Kerajaan perlu mengkaji alternatif dalam menjamin kestabilan industri beras negara bagi mengelakkan kebergantungan kepada perjanjian konsesi BERNAS sekali gus mendorong ke arah pasaran terbuka beras.
 - ii. KPKM perlu memantau Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS bagi memastikan segala penyaluran dan penggunaan dana

berkenaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah.

- iii. KPKM hendaklah memastikan BERNAS menyalurkan dana obligasi tepat pada masanya selaras dengan perjanjian konsesi BERNAS.
- iv. KPKM, BERNAS dan JPN perlu segera mengintegrasikan dan mengemas kini pangkalan data pesawah bagi memastikan pembayaran SSHP dapat dilaksanakan dengan lebih telus, efisien dan teratur.
- v. KPKM dan BERNAS perlu segera membangunkan Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah bagi memastikan keberkesanan penggunaan Sistem Kad Pintar pesawah.
- vi. KPKM dan BERNAS perlu menyediakan Laporan Prestasi KPI secara bersama dengan lebih tepat, telus dan realistik berdasarkan prestasi pengurusan ladang yang sebenar.
- vii. KPKM dan BERNAS hendaklah memastikan jentera dan mekanisasi disenggara dengan baik bagi membolehkan ia digunakan oleh pesawah pada bila-bila masa.
- viii. KPKM hendaklah menguatkuasakan remedi iaitu dengan menuntut penalti yang berkaitan, berhubung dengan kegagalan syarikat konsesi mematuhi obligasinya selaras dengan KPI yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Ini termasuk dan tidak terhad kepada kegagalan pembayaran RM25 juta dana obligasi sosial mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

6. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah KPKM boleh memuat turun laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

HAL-HAL LAIN

7. PAC membuat keputusan untuk memulakan prosiding berhubung Pembangunan Sumber Manusia Bhd. atau juga dikenali sebagai HRD Corp.
8. Dengan menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77 (1) (d), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Arahan Perbendaharaan 301 (Pindaan) 2023 dan Seksyen III Perkara 11 (b) Pekeliling Am No. 2 (1982), prosiding ini akan bermula pada 23 Oktober 2023 di bawah tajuk “**Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp**”.
9. Saksi yang akan dipanggil adalah Pegawai Pengawal Kementerian Sumber Manusia (KSM) iaitu, **YBhg. Dato’ Haji Amran bin Haji Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KSM dan **YBhg. Datuk Wira Shahul Dawood**, Ketua Eksekutif HRD Corp.
10. Tujuan PAC memulakan prosiding ini adalah bagi mengkaji dan meneliti pengurusan dan keberkesanan program–program HRD Corp. bagi memastikan dana dan peruntukan Kerajaan diurus dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, program–program serta latihan yang dibekalkan turut akan diteliti bagi memastikan dana dan peruntukan yang diberi bagi tujuan-tujuan pemantapan kompetensi dan tenaga mahir negara adalah

bertepatan dengan keperluan majikan serta arus industri dan ekonomi semasa.

Sekian, terima kasih.

YB Puan Wong Shu Qi
Naib Pengerusi PAC Parlimen